

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

31 MAC 2019

AHAD



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
MINGGUAN MALAYSIA	KUALITI UDARA SEKITAR SUNGAI KIM KIM KINI STABIL	2
SINAR HARIAN	PENCEMARAN : PENDIDIKAN SEBAGAI SOLUSI	3



MINGGUAN MALAYSIA

Kualiti udara sekitar Sungai Kim Kim kini stabil – JAS

JOHOR BAHRU 30 Mac - Pemantauan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di 30 buah sekolah dalam radius 10 kilometer sekitar Pasir Gudang mendapati kualiti udara di dalam paras yang dibenarkan dan stabil.


Pemantauan kualiti udara oleh JAS di kawasan itu dilaksanakan secara berterusan setelah pencemaran toksik di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang pada 7 Mac lalu menjejaskan sekolah-sekolah berhampiran.

JAS dalam satu kenyataan hari ini memberitahu, pihaknya juga telah menjalankan pemantauan di lokasi-lokasi tertentu dalam lingkungan 15

kilometer radius dari kawasan kejadian dan secara keseluruhannya keputusan bagi data pemantauan kualiti udara di lokasi tersebut adalah dalam paras yang dibenarkan dan stabil.

“JAS akan terus melaksanakan pemantauan kualiti udara secara berterusan di kawasan yang terjejas bagi memastikan kualiti udara adalah dalam paras yang dibenarkan bagi penduduk tempatan serta murid-murid di sekolah terbabit.

“Pemantauan kualiti udara ini juga adalah bagi memastikan kejadian pelepasan bahan toksik ke udara tidak berulang,” menurut kenyataan itu.



PENCEMARAN toksik di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor telah menyebabkan lebih 50 buah sekolah berhampiran ditutup.

Mingguan Malaysia @ 31/3/19



SINAR HARIAN

Pencemaran: Pendidikan sebagai solusi

PROF MADYA DR FATIN ALLAH PHANG

Kejadian pencemaran Sungai Kim Kim, Pasir Gudang yang menjadi tumpuan rakyat seluruh Malaysia baru-baru ini, memberikan seribu satu iktibar untuk Malaysia terus mengorak langkah dalam pembangunan yang semakin pesat. Malaysia tetap akan meneruskan agenda pembangunan dan pemodenan, begitu juga dengan dunia ini.

Sehubungan itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah memperkenalkan konsep Education for Sustainable Development (ESD) atau Pendidikan untuk Pembangunan Lestari seawal 1983 kerana menyedari pembangunan tidak dapat dielakkan tetapi ia boleh dilakukan dengan kaedah lebih lestari dan mampan jika meletakkan pendidikan sebagai kuncinya.

ESD adalah kaedah pembelajaran secara inter-disiplin meliputi aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar dalam kurikulum formal dan tidak formal.

Pada tahun 2015, PBB memperkasakan usaha ESD ini dengan

memperkenalkan Sustainable Development Goals (SDG) yang mengandungi 17 matlamat yang perlu dicapai menjelang tahun 2030 supaya dunia ini mengekalkan keseimbangan dalam tiga aspek di atas walaupun mengalami pembangunan yang pesat.

Tujuan ESD adalah untuk memberikan pendidikan kepada semua pihak, dari sekolah, masyarakat, industri ke kerajaan, supaya menyedari kesan pembangunan yang dilakukan terhadap ketidakseimbangan sosial, ekonomi dan alam sekitar, kemudian mengambil tindakan bagi mengelakkan kesan buruk pembangunan yang tidak lestari.

Dalam aspek alam sekitar, Kementerian Pendidikan (KPM) telah memperkenalkan Pendidikan Alam Sekitar sejak tahun 1985 sebagai salah satu elemen merentas kurikulum tetapi pelaksanaannya amat bergantung kepada kesedaran dan pengetahuan guru sekolah terhadap isu alam sekitar.

Tindakan yang lebih bersifat tempatan dan fokus perlu dilakukan, khususnya dalam kalangan pelajar sekolah yang akan menjadi pemimpin, pengusaha per-

niagaan, pendidik dan penduduk dunia pada masa depan.

Pada akhir tahun 2014, walaiah Iskandar Malaysia telah diiktiraf sebagai RCE Iskandar (Regional Centre of Expertise on ESD) oleh United Nations University (UNU). Sekretariat RCE Iskandar adalah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA).

RCE Iskandar telah menjalankan pelbagai usaha mendidik masyarakat khususnya pelajar sekolah tentang kepentingan penjagaan alam sekitar melalui program seperti Iskandar Malaysia Ecolife Challenge (IMELC), Problem-Based Learning for Low Carbon Society (PBL LCS), RCE Iskandar Sustainable & Low Carbon Schools Exhibition.

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) telah melancarkan Pelan Tindakan Pendidikan Kelestarian Johor 2019-2023 pada 30 Januari 2019 yang disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Johor, YB Aminollah Hassan bersama Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan

Tempatan, Sains dan Teknologi Negeri Johor, YB Tan Hong Pin.

Pelan Tindakan ini menggariskan lima strategi dan garis masa untuk membudayakan kelestarian dalam kehidupan masyarakat sekolah dari pelajar, guru, pentadbir kepada ibu bapa.

Semua usaha pendidikan yang lebih drastik telah disusun sejak kebelakangan ini tanpa perlu menunggu sesuatu kejadian terhadap alam sekitar yang tidak diingini daripada berlaku.

Namun, proses pendidikan adalah satu usaha yang berpanjangan. Namun bak kata pepatah, melentur aur biar dari rebungnya. Masih ada harapan untuk negeri Johor dan Malaysia, malahan dunia ini terus bermandiri menghadapi pelbagai pembangunan yang pesat, sekiranya pendidikan kelestarian diterapkan secara tersusun sejak kecil lagi.

Pada masa sekarang, tindak balas segera untuk mengatasi pencemaran Sungai Kim Kim sedang diambil oleh pelbagai pihak berwajib dan badan bukan kerajaan (NGO) dengan pelaburan RM6.4 juta.

Pendidikan kelestarian harus

dilihat juga sebagai salah satu penyelesaian untuk mengatasi isu ini, tetapi bersifat jangka panjang yang memerlukan pelaburan se-timpal atau lebih tinggi daripada tindak balas segera itu.

Daripada 51 sungai paling tercemar yang disenaraikan oleh Jabatan Alam Sekitar pada tahun 2017, 29 sungai ada di dalam negeri Johor. Laporan ini sudah cukup untuk memberi indikasi kepada perlunya pendidikan kesedaran yang lebih hebat di negeri Johor.

Oleh itu, Pelan Tindakan Pendidikan Kelestarian Johor 2019-2023 yang dibawa oleh JPNJ haruslah mendapat sokongan padu daripada kerajaan supaya ia dapat direalisasikan dan seterusnya melahirkan generasi baharu yang bukan sahaja prihatin kepada penjagaan alam sekitar, malahan mengambil tindakan bagi mengekang kerosakan pada alam dan memulihara alam sekitar kita.

**Penulis ialah Felo, Pusat Pendidikan Kejuruteraan dan Pensyarah Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial & Kemasyarakatan, UTM*

Sinar Harian © 31/3/19

